

PENYERAHAN KUNCI DAN SIJIL LAYAK MENDUDUKI (CFO) PEMULIHAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI TAMAN DESA BONGSU, LANCHANG, PAHANG



YB Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Kunci dan Sijil Layak Menduduki (CFO) Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai Taman Desa Bongsu, Lanchang, Pahang pada 25 Mei 2017.

KPKT melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah memulihkan projek perumahan terbengkalai ini menggunakan peruntukan dana Kerajaan sebanyak RM14.7 juta atau bersamaan dengan RM153,152 seunit rumah. Harga seunit rumah yang dibeli pada 2001 yang sepatutnya siap pada tahun 2003 adalah berharga antara RM58,000 hingga RM78,000 seunit pada ketika itu.

Disebabkan projek ini terbengkalai, Kerajaan terpaksa memperuntukan subsidi antara RM75,125 hingga RM95,125 bagi pemulihan setiap unit rumah untuk. Projek pemajuan ini telah berjaya membantu 71 orang pembeli teraniaya yang rata-rata terdiri daripada anggota tentera atau pesara tentera.

Projek perumahan Taman Desa Bongsu ini telah berjaya disiapkan dan memperolehi Sijil Layak Menduduki (CFO) pada 4 Januari 2017 selepas dua (2) tahun enam (6) bulan disahkan terbengkalai pada 27 Oktober 2014. Pemajuan projek ini melibatkan sebanyak 96 unit rumah rumah teres satu (1) tingkat yang sepatutnya siap pada tahun 2003. Projek ini telah diberhentikan pada 30 Julai 2007 akibat masalah kewangan syarikat pemaju asal iaitu Koperasi Melayu Nusantara Sdn Bhd (KOMENA) yang telah dibatalkan pendaftaran oleh Ketua Pendaftar Koperasi Malaysia.



Yang turut hadir ke majlis ialah YB Dato' Sri Haji Mohd. Sharkar bin Haji Shamsudin (Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang merangkap ADUN Lanchang), YBhg. Datuk Abdul Rahim bin Ishak (Ketua Pengarah, JPN), YBrs. Tuan Azlan bin Mohd Yaman (Yang Dipertua Majlis Perbandaran Temerloh), wakil daripada YYM Builders Sdn Bhd selaku pemaju penyelamat, pegawai kanan daripada KPKT dan Kerajaan Negeri Pahang, pemimpin tempatan dan para pembeli rumah.